

Sorotan Literatur Bersistematik Kajian Bahasa Komunikasi di Internet dari Sudut Pragmatik

*Sarah Nur Najwa Mohd Nasir^a
p110810@siswa.ukm.edu.my*

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia*

*Maslida Yusof^b
maslida@ukm.edu.my*
*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia*

ABSTRAK

Kemajuan teknologi yang memberi kemudahan internet di hujung jari semakin memudahkan situasi komunikasi di ruang digital di seluruh dunia termasuk Malaysia. Situasi komunikasi di ruang digital bukan sahaja melahirkan pelbagai budaya digital baharu, tetapi juga corak bahasa komunikasi baharu di internet. Kajian-kajian lepas mengenai situasi komunikasi di ruang digital telah bermula sejak dahulu tidak kira dari aspek bidang komunikasi, teknologi, mahupun bidang bahasa. Terdapat sarjana di Malaysia seperti Azianura Hani Shaari (2020), Nur Atikah Ibrahim dan Maslida Yusof (2020), dan Wan Nur Azira dan Maslida Yusof (2021) yang mengkaji tentang corak bahasa komunikasi di internet khususnya dalam perspektif pragmatik. Pengumpulan kajian lepas terhadap bahasa komunikasi di internet di negara Malaysia dari sudut pragmatik perlu diteliti dan ditinjau dengan lebih teratur. Himpunan kajian yang lebih teratur menggunakan kaedah sorotan literatur bersistematik ini menggunakan prosedur tertentu seperti protokol PRISMA untuk pemilihan artikel dalam dua pangkalan data besar iaitu Scopus dan Google Scholar. Sejumlah 18 artikel telah dipilih dan layak disintesis untuk daptatan kajian. Tinjauan terhadap artikel terpilih mendapati bahawa corak bahasa komunikasi di internet yang telah diterokai di Malaysia adalah slanga, bahasa rojak, percampuran kod, pertukaran kod, emoji, meme, ketidaksantunan bahasa dan bahasa sindiran. Platform sumber data yang dipilih oleh pengkaji lepas pula didominasi oleh Facebook. Perspektif pragmatik dalam sorotan literatur bersistematik ini menghuraikan aliran perkembangan pragmatik terkini yang mampu berkembang dengan lebih luas jika pengkaji di masa hadapan menerima bahasa komunikasi di internet sebagai satu variasi bahasa yang wajar dikaji.

Kata kunci: bahasa komunikasi internet; bahasa internet; pragmatik; linguistik; sorotan literatur bersistematik bahasa

^a Penulis utama

^b Penulis koresponden

Systematic Literature Review on the Study of Communication Language on Internet from Perspectives of Pragmatics

ABSTRACT

Technological advancement that provides internet conveniences at your fingertips increasingly facilitates communication in the digital space worldwide, including Malaysia. This has not only resulted in new digital cultures, but also new patterns of communication language on internet. Past studies on the event of communication in the digital space have started years ago regardless of the aspect of communication, technology, or language. Scholars in Malaysia such as Azianura Hani Shaari (2020), Nur Atikah Ibrahim and Maslida Yusof (2020), and Wan Nur Azira and Maslida Yusof (2021) had studied the patterns of communication language on internet, particularly from pragmatics perspective. Thus, previous studies need to be examined and reviewed competently. The assemblage of past studies using systematic literature review as a method with specific procedure such as the PRISMA protocol for article selection in two large databases; Scopus and Google Scholar. A selection of 18 articles has been proceed to be synthesised to produce findings. Review of these selected articles found that the language patterns of internet communication probed in Malaysia are slang, *bahasa rojak*, code mixing, code exchange, emojis, memes, language impoliteness and satire. The platform for data sourcing chosen by previous researchers was dominated by Facebook. The pragmatics perspective in this systematic literature review explains the flow of latest pragmatics development. These perspectives are able to develop in greater length if future researchers accept the language used in communication on internet as a language variation that should be studied.

Keywords: internet communication language; internet language; pragmatics; linguistics; language systematic literature review

PENGENALAN

Ruang digital ialah salah satu medium komunikasi sejak munculnya era internet. Kewujudan internet yang bermula sebagai salah satu sumber penyebaran maklumat kini sudah menjadi ruang komunikasi harian dalam kalangan pengguna. *Computer-mediated communication* yang dimaksudkan sebagai komunikasi di antara manusia melalui komputer (Simpson, 2002) dilihat muncul sekitar 1970-an. Keupayaan penggunaan beberapa aspek komputer sebagai saluran untuk berkomunikasi dalam kalangan manusia pula mula diterokai pada awal 1970-an (Arnold, 1978). Penelitian aspek bahasa dan linguistik dalam komunikasi digital malahan mungkin sudah bermula lebih awal dari kewujudan istilah popular *Netspeak* melalui kajian Crystal (2001) yang merujuk kepada bahasa untuk berkomunikasi di internet kerana terdapat kajian mengenai paralinguistik dalam komunikasi antara komputer seawal tahun 1980 oleh Carey (1980).

Kini, wujudnya pelbagai peranti elektronik selain komputer yang menjadi alat perhubungan berasaskan internet dan wujudnya pelbagai platform perhubungan. Rakyat Malaysia kini mencapai peratus kekerapan penggunaan komunikasi teks secara digital sebanyak 98.1% (SKMM, 2020). Aktiviti komunikasi teks dan lisan dalam talian oleh rakyat Malaysia melalui medium perhubungan tidak kira di laman media sosial atau aplikasi pemesejan didiami komuniti internet yang luas. Komuniti internet terdiri daripada pelbagai variasi golongan umur dan demografi. Komunikasi dalam internet yang melahirkan pelbagai budaya digital baru

termasuklah corak bahasa kini semakin mendapat perhatian. Dalam pengkajian bidang pragmatik khususnya, Culpeper dan Gillings (2019) mengenal pasti bahawa medium data yang kebiasaannya dalam bentuk bertulis banyak diambil dari media digital seperti Facebook, Twitter dan lain-lain kini menarik minat lebih ramai pengkaji.

Bahasa komunikasi di internet meliputi variasi bahasa yang ada melalui komunikasi dalam talian tidak kira sama ada komunikasi lisan atau komunikasi teks. Kajian bahasa dalam komunikasi digital tidak hanya berkisar tentang penelitian terhadap perubahan ejaan atau keunikan perkataan, tetapi juga dari aspek frasa, ayat dan makna. Dari segi komunikasi teks dalam talian, ia dahulunya dikenali sebagai bahasa SMS kerana komunikasi teks harian secara dalam talian pada ketika itu berlaku melalui SMS. Bahasa SMS didefinisikan sebagai bahasa yang digunakan untuk berkomunikasi secara tulisan melalui saluran SMS yang mengandungi penggunaan bahasa tidak baku atau bahasa basahan sebagai bahasa yang lazim (Bahagian Penyelidikan Bahasa Jabatan Bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008). Komunikasi teks kini bukan hanya berlaku melalui SMS, tetapi melalui platform media sosial dan aplikasi pemesesan. Begitu juga dengan komunikasi lisan kini yang bukan sahaja hadir dalam bentuk video, tetapi dalam bentuk mesej suara. Kini, variasi bahasa yang ada dalam situasi komunikasi di internet tidak hanya terhad kepada bahasa SMS sahaja. Tinjauan kajian lepas mengenai bahasa komunikasi di internet perlu dilakukan dari masa ke masa, untuk meneliti perkembangan atau perubahan variasi bahasa dalam bahasa komunikasi di internet.

Kajian bahasa komunikasi di internet dari sudut pragmatik sudah mula diterokai di Malaysia. Kajian-kajian lepas ini memerlukan satu himpunan yang teratur dan boleh dilihat corak pengkajiannya. Sorotan literatur adalah pembuktian untuk setiap aktiviti dan keputusan dalam sesebuah kajian (Booth et al., 2012). Manakala sorotan literatur bersistematik adalah salah satu alternatif yang bertujuan untuk mengenal pasti dan mensintesis kajian berkaitan secara menyeluruh melalui prosedur pada setiap langkah dalam proses yang teratur, telus dan boleh diguna pakai semula (Higgins et al., 2011). Kaedah yang mewajibkan setiap kajian melalui proses yang ditetapkan berdasarkan protokol tertentu akan menghasilkan hasil sintesis kajian yang baik. Hasil sintesis kajian yang baik akan membantu pengkaji-pengkaji untuk menjalankan kajian dengan lebih baik khususnya untuk memberi jawapan telus kepada persoalan kajian dan mengenal pasti jurang penyelidikan yang memerlukan pengkajian yang lebih mendalam.

Kajian sorotan literatur bersistematik terhadap kajian bahasa komunikasi di internet di negara Malaysia dari sudut pragmatik dilihat mempunyai kelompongan kerana ketiadaan metodologi sorotan bersistematik untuk penghimpunan kajian lepas yang lebih teratur. Menurut Yan Huang (2015), pragmatik ditakrifkan sebagai kajian sistematik makna berdasarkan penggunaan bahasa. Bidang pragmatik seperti takrifan Yang Huang (2015) adalah selari dengan matlamat kajian untuk menghimpunkan kajian lepas yang memberi perspektif tentang makna bahasa komunikasi di internet berdasarkan penggunaannya. Oleh itu, bidang pragmatik dipilih sebagai fokus dalam sorotan literatur bersistematik ini. Persoalan kajian adalah satu penanda aras yang bakal memandu sorotan bersistematik ini, maka persoalan kajian yang dibentuk adalah seperti di bawah.

- Apakah corak bahasa komunikasi di internet dalam media sosial di Malaysia yang sudah diterokai dan platform apakah yang digunakan sebagai sumber pemerolehan sumber data?
- Apakah tahap perkembangan terkini kajian bahasa komunikasi di internet di negara Malaysia dalam perspektif pragmatik?

Justeru itu, makalah ini akan meninjau kajian bahasa komunikasi di internet di Malaysia dari sudut pragmatik menggunakan metodologi sorotan literatur bersistematik. Metodologi ini bukan sahaja menghimpunkan kajian lepas secara sistematik, tetapi membantu pengkaji di masa hadapan untuk meneliti beberapa aspek penting dalam kajian seperti corak bahasa komunikasi di internet yang sudah dikaji atau belum dikaji melalui pengetahuan jurang penyelidikan. Dapatkan perspektif pragmatik terhadap corak bahasa komunikasi di internet yang kerap diaplikasikan oleh pengguna dan sumber pemerolehan data dari kajian lepas juga diteliti dan diuraikan dalam sorotan ini. Sorotan literatur bersistematik ini membekalkan maklumat yang dikumpulkan berdasarkan kajian lepas agar pengkaji di masa hadapan dapat meneliti dan menggunakan pakai atas pengetahuan bahasa komunikasi di internet, khususnya dalam bidang pragmatik.

METODOLOGI

Dalam pengumpulan kajian lepas yang menggunakan metodologi sorotan literatur bersistematik, terdapat beberapa panduan atau protokol yang boleh digunakan untuk mengumpul dan memastikan pemilihan kajian lepas adalah yang paling relevan. Menurut Lockwood et al. (2015), pemfokusan sorotan literatur bersistematik adalah kepada bukti, kesan, kesahan dan akibat yang mendorong pengkaji untuk menyemak maklumat reka bentuk kajian, analitik metode dan rantaian akibat. Hal ini menjadikan sorotan literatur bersistematik dapat mengawal kualiti himpunan kajian dengan memastikan pembuktian maklumat kajian lepas yang teguh. Protokol PRISMA dipilih sebagai panduan dalam sorotan literatur bersistemati ini selari dengan pendapat Hayrol Azril Mohamed Shaffril et al. (2020) bahawa protokol ini diyakini boleh menjadi pedoman untuk sorotan literatur bersistematik dalam bidang yang melibatkan penilaian dan pencampuran elemen tertentu.

PRISMA atau nama *penuhnya Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses* ialah protokol yang boleh dijadikan panduan untuk mengemukakan sorotan literatur bersistematik. PRISMA dipilih sebagai panduan kerana protokol ini mampu mengawal kualiti dan kuantiti pemilihan artikel dalam pangkalan data besar seperti Scopus dan Google Scholar. Kawalan kualiti dan kuantiti pemilihan artikel dipandu melalui kriteria yang ada dalam PRISMA. Kriteria-kriteria ini terdiri daripada pengenalpastian, penerimaan dan penolakan artikel, kelayakan dan penilaian artikel berkualiti. Kesemua artikel perlu melalui penilaian berdasarkan empat kriteria ini agar objektif sorotan literatur bersistematik ini dapat dicapai.

PENGENALPASTIAN

Berdasarkan persoalan kajian yang telah dibentuk, terdapat empat kata kunci utama seperti *pragmatik, linguistik, lakuan tutur* dan *internet* untuk memberi panduan kepada penerokaan variasi kata kunci lain. Dalam langkah pengenalpastian, Hayrol Azril Mohamed Shaffril et al. (2020) menyarankan agar kata kunci dari sinonim, istilah berkaitan dan variasi kata kunci perlu dipilih secara berhati-hati agar hasil carian menemukan kajian-kajian yang relevan. Kata kunci utama dan variasi kata kunci lain yang relevan diaplifikasi ke dalam format rentetan carian *search string* seperti dalam Jadual 1.

Sesuai dengan pendapat Gusenbaur dan Haddaway (2020) yang menyatakan bahawa Scopus adalah salah satu daripada 14 pangkalan data utama dalam pencarian artikel, Scopus dipilih sebagai pangkalan data yang menyenaraikan jurnal dan artikel berimpak tinggi dalam sorotan literatur bersistematik ini. Google Scholar turut dipilih sebagai sumber pangkalan data kedua untuk menambah hasil carian kajian lepas, khususnya kajian di Malaysia. Format rentetan carian yang berbeza diaplifikasi ke dalam pangkalan data pilihan yang berbeza, tetapi menggunakan kata kunci

yang hampir sama. Kata kunci pada rentetan carian di Google Scholar berbeza dengan kata kunci pada rentetan carian di Scopus kerana pangkalan Google Scholar memaparkan banyak kajian yang tidak relevan jika menambah kata kunci seperti Facebook, Twitter dan WhatsApp.

JADUAL 1. Hasil rentetan carian tanpa saringan

Pangkalan data	Rentetan carian dan kata kunci	Jumlah artikel ditemui
Scopus	TITLE-ABS-KEY(("pragmatic*" OR "linguistic*" OR "emoji" OR "meme" OR "speech act" OR "implicature" OR "relevance") AND ("online" OR "communication" OR "internet" OR "social media" OR "facebook" OR "twitter" OR "whatsapp") AND ("malaysia"))	208
Google Scholar	("pragmatik" OR "linguistik" OR "lakuan tutur" OR "lakuan bahasa" OR "relevan" OR "emoji" OR "meme") AND ("media sosial" OR "social media" OR "internet" OR "digital")	27,200

Melalui pangkalan data Scopus, sebanyak ($n = 208$) artikel ditemui berdasarkan rentetan carian yang mengaplikasikan kata kunci relevan. Pencarian di pangkalan data Google Scholar menggunakan kata kunci dalam bahasa Melayu agar carian cenderung ke arah penemuan artikel dalam bahasa Melayu, tetapi hasil carian turut memaparkan penemuan artikel daripada bahasa Inggeris juga. Pencarian di pangkalan data Google Scholar ini menjumlahkan hasil sebanyak ($n = 27,200$) artikel. Walaupun Google Scholar mempunyai kelemahan kekurangan kawalan kualiti artikel seperti pandangan (Halevi et al., 2017), namun kepelbagaiannya hasil penemuan artikel membantu dalam mencapai objektif sorotan bersistematis ini.

PENERIMAAN DAN PENOLAKAN ARTIKEL

Dapatan melalui langkah pengenalpastian menjumlahkan bilangan artikel yang banyak dan tiada kawalan kuantiti. Oleh itu, penetapan kriteria penerimaan dan penolakan artikel adalah penting untuk menyaring artikel yang kurang relevan atau tidak selari dengan objektif kajian. Menurut Hayrol Azril Mohamed Shaffril et al. (2020), sarjana-sarjana telah mendedahkan kepentingan kriteria penerimaan dan penolakan seperti garis masa penerbitan, jenis penerbitan dan medium bahasa yang digunakan. Kriteria-kriteria seperti dalam Jadual 2 penting untuk kerelevan pemilihan artikel, membantu mengawal kualiti, dan kuantiti artikel dalam sorotan ini. Kriteria seperti garis masa penerbitan pula membantu untuk mengumpulkan kajian yang terkini sahaja agar perkembangan kajian yang terkini dapat diteliti. Dengan tapisan automatik melalui pangkalan data dengan memilih tetapan garis masa, jenis penerbitan dan negara, penemuan jumlah artikel di Scopus adalah ($n = 84$) artikel, manakala ($n = 16,400$) dari pangkalan data Google Scholar.

Terdapat lima artikel dalam buku elektronik yang tidak dinyatakan tahun penerbitannya. Walau bagaimanapun, buku elektronik ini dipaparkan pada halaman pangkalan data Google Scholar setelah ditapis garis masa mengikut kriteria garis masa penerbitan berdasarkan Jadual 2. Setelah diteliti, terdapat bukti tahun penerbitan di dalam buku elektronik tersebut melalui paparan

semester semasa buku ilmiah tersebut ditulis. Memandangkan terdapat bukti tersebut, artikel dalam buku elektronik ini diterima kerana telah memenuhi kriteria garis masa, jenis penerbitan, negara dan bidang.

JADUAL 2. Kriteria penolakan dan penerimaan artikel

Kriteria	Penolakan	Penerimaan
Garis masa penerbitan	2015 ke bawah	2016 hingga 2021
Jenis penerbitan	Tidak termasuk dalam jurnal, bab dalam buku dan prosiding	Jurnal, bab dalam buku, prosiding
Negara	Luar Malaysia	Dalam Malaysia
Bidang	Tidak berkait dengan bidang pragmatik	Bidang pragmatik atau berkait rapat dengan bidang pragmatik

KELAYAKAN DAN PENILAIAN ARTIKEL BERKUALITI

Khusus untuk pangkalan data Google Scholar sahaja, pilihan penemuan artikel yang relevan secara manual turut diaplikasikan kerana pangkalan data ini mempunyai kelemahan dalam mengawal kualiti dan kuantiti artikel seperti yang dinyatakan oleh Halevi et al. (2017). Penyelidik kajian ini menyaring artikel berpandukan persoalan kajian dan kata kunci yang telah ditetapkan. Kemudian, saringan secara manual dihentikan di halaman 96 daripada 100 halaman kesemuanya apabila kebanyakan artikel sudah tidak relevan dengan kata kunci atau kriteria penolakan dan penerimaan yang menjumlahkan hanya ($n = 27$) artikel yang dipilih. Tapisan secara manual di pangkalan data Scopus pula menjumlahkan ($n = 7$) artikel. Jumlah artikel sama yang bertindan dalam Scopus dan Google Scholar yang disingkirkan pula adalah ($n = 9$).

Seterusnya, terdapat ($n = 25$) artikel penuh yang layak disaring melalui penilaian kualiti artikel dari dua penyemak, sesuai dengan saranan Petticrew dan Roberts (2006) dalam penulisan Hayrol Azril Mohamed Shaffril et al. (2021) yang menyarankan bahawa sekurang-kurangnya dua orang penyemak perlu menyemak artikel berdasarkan tema yang telah dipersetujui. Abstrak setiap artikel disemak dan penilaian dilakukan berdasarkan persoalan kajian yang telah dibentuk pada awal kajian. Kedua-dua penilai adalah dari kumpulan penyelidik ini sendiri kerana penyelidik sendiri lebih memahami objektif sorotan literatur bersistematis ini. Tambahan pula, salah seorang penilai merupakan pakar dalam bidang linguistik khususnya semantik dan pragmatik. Hasilnya, terdapat ($n = 18$) artikel dalam pangkalan data Scopus dan Google Scholar yang sedia untuk disintesis secara kualitatif seperti dalam Jadual 3 yang dipaparkan di bawah.


JADUAL 3. Artikel yang layak disintesis berdasarkan tema

Penulis	Jenis corak bahasa yang dikaji	Platform pemerolehan data	Perspektif pragmatik/berkaitan
Noor Husna binti Abd. Razak & Hasnah binti Mohamad (2016)	Kosa kata slanga	Blog	Menghuraikan slanga dan mencadangkan rumus pembentukan kosa kata dari sudut morfologi
Siti Norsyahida Mohd A	Bahasa sindiran	Vlog	Menganalisis bahasa sindiran dalam ujaran vlog yang merupakan salah

Rashid & Nor Azuwan Yaakob (2017)			satu komunikasi lisan dalam talian
Fuzirah Hashim et al. (2017)	Bahasa komunikasi atas talian	Facebook	Menambah kefahaman mengenai ciri-ciri linguistik yang boleh menjadi titik permulaan kajian untuk bidang pragmatik
Maslida Yusof (2018)	Ganti Nama Diri	WhatsApp	Meneliti faktor trend kata ganti nama diri dan memahaminya dalam konteks media sosial Fungsi meme dalam internet
Faizul Nizar Anuar et al. (2018)	Meme	Facebook	Fungsi meme dalam internet
Mohd Zuwiri bin Mat Saad et al. (2018)	Emoji	Temubual	Mengenal pasti penggunaan dan mengkaji makna emoji dalam komunikasi interpersonal
Mohd Syuhaidi Abu Bakar & Aliffluqman Mohd Mazzalan (2018)	Bahasa rojak	Facebook	Mengkaji penggunaan bahasa rojak di laman media sosial Facebook
Norwati Mohd Zain & Hishamudin Isam (2019)	Emoji	Facebook	Menjelaskan penggunaan emoji dalam mengekspresikan emosi di dalam media sosial
Azianura Hani Shaari & Mohammad Rahim Kamaluddin (2019)	Ketidaksantunan bahasa	Temubual dan pemerhatian di laman media sosial	Membincangkan corak ketidaksantunan bahasa dalam perspektif bahasa di laman sosial
Azianura Hani Shaari (2020)	Emotikon	Facebook	Meneliti penggunaan dan fungsi emotikon dalam media sosial melalui disiplin pragmatik seperti ilokusyenari
Nur Atikah Ibrahim & Maslida Yusof (2020)	Bahasa sindiran	Facebook	Memahami bahasa sindiran dari perspektif pragmatik
Zulkifli Zulfati Izazi & Tengku Mahadi T.S. (2020)	Slanga	Twitter	Merungkai kewujudan variasi slanga yang memberi ruang untuk pengkajian dari perspektif bidang bahasa lain termasuklah pragmatik
Wan Nur Azira &	Meme	Facebook	Mengenal pasti bentuk lakukan bahasa meme

Maslida Yusof (2021)	Unsur sarkastik dan ironi	Twitter	sebagai suatu corak komunikasi di internet Mengkaji dan menganalisis unsur sarkastik dan ironi dalam komunikasi di laman media sosial Twitter
Noyed, M. O. D. (n.d.)	Emoji	Facebook	Mengenal pasti jenis emoji, cara dan faktor penggunaan emoji di laman media sosial dari perspektif semantik
Nor Azah Azlin Zakaria (n.d.)	Bahasa rojak	Facebook	Mengkaji dan menganalisis bahasa rojak dari sudut percampuran kod melalui teori dalam bidang pragmatik
Nor Atikah Jusoh (n.d.)	Ketidaksantunan dan kesantunan bahasa	Facebook	Menganalisis dan menghuraikan corak ketidaksantunan dan kesantunan bahasa dalam laman media sosial Facebook
Nur Shahirah Mansor & Syahrul Ninie Nashirah M.B. (n.d.)	Bahasa SMS	Facebook	Menghuraikan konsep pertembungan bahasa dari sudut sosiolinguistik. Jenis bahasa SMS memaparkan data yang membuka ruang untuk pengkajian perspektif bidang bahasa lain

Rajah 1 di bawah memaparkan proses dari awal hingga pemilihan akhir artikel berdasarkan aliran PRISMA. Rajah mengadaptasi contoh carta alir dari Moher et al. (2009) dan disesuaikan mengikut maklumat sebenar berdasarkan makalah ini. Langkah dalam protokol PRISMA dalam carta alir ini telah diterangkan dengan lebih jelas dalam subtopik yang telah dinyatakan sebelum ini.



RAJAH 1. Carta alir PRISMA

HASIL KAJIAN

Hasil analisis kesemua 18 artikel telah menemui tiga tema besar untuk dihuraikan iaitu corak bahasa komunikasi di internet di Malaysia, platform pemerolehan data dan perspektif pragmatik. Untuk memenuhi keperluan objektif kajian, tema-tema ini akan dihuraikan berasaskan maklumat yang ditemui dalam kajian-kajian lepas yang sudah dikumpulkan secara sistematik. Tema corak bahasa komunikasi di internet di Malaysia bukan sahaja menggambarkan apakah corak bahasa yang sudah dikaji, tetapi juga memberi gambaran corak bahasa yang masih boleh dikaji secara mendalam. Platform pemerolehan data untuk kajian bahasa komunikasi di internet di Malaysia pula menggariskan platform yang mendominasi pilihan pengkaji lepas, dan juga platform yang masih relevan untuk kajian terkini. Dapatan perspektif pragmatik pula memperlihatkan pilihan cabang pragmatik dalam kajian lepas. Kesemua tema ini memberi gambaran terhadap arus perkembangan kajian bahasa komunikasi di internet di Malaysia dalam bidang bahasa khususnya dari perspektif pragmatik.

CORAK BAHASA KOMUNIKASI INTERNET DI MALAYSIA

Bahasa komunikasi di internet merujuk kepada bahasa yang digunakan untuk berkomunikasi dalam internet. Sarjana dari seluruh negara termasuklah Malaysia merujuk bahasa komunikasi internet dalam pelbagai terma seperti bahasa SMS (Nor Hashimah Jalaluddin et al., 2007), *Netspeak* (Crystal, 2001) dan *online communicative language* (OCL) (Fuzirah Hashim et al., 2017). Bahasa komunikasi di internet dibahagikan kepada bahasa rasmi atau tidak rasmi selari dengan takrifan pengkategorian bahasa SMS oleh Nor Hashimah Jalaluddin et al., 2007). Melihat kepada 18 himpunan pengkajian lepas yang dikumpulkan, kesemua corak bahasa komunikasi di internet di Malaysia berkisar kepada corak bahasa yang tidak dikategorikan kumpulannya, tetapi kebanyakan situasi pemerolehan data adalah dari situasi komunikasi dalam talian harian yang tidak formal.

Daripada 18 pengkajian lepas yang berkisar tentang bahasa komunikasi di internet di Malaysia, sebanyak lima kajian menumpukan kepada emoji. Dapatan ini menunjukkan bahawa emoji adalah corak bahasa komunikasi internet yang mendapat perhatian ramai pengkaji terkini. Menerusi kajian Azianura Hani Shaari (2020) yang memfokuskan kepada emoji sebagai lakuan bahasa dari aspek ilokusi, Deacon (2011) menjelaskan emotikon atau emoji dalam media sosial bukan sekadar simbol, tetapi ikon digital yang melambangkan ekspresi dan bahasa badan. Fuzirah Hasim et al. (2017) menemui ciri linguistik seperti penggunaan emotikon dan simbol dalam pengkajian bahasa komunikasi dalam talian, manakala Mohd Zuwiri bin Mat Saad et al. (2018) melihat penggunaan emoji dalam komunikasi interpersonal. Norwati Mohd Zain dan Hishamudin Isam (2019) pula melihat ekspresi emosi melalui emoji dengan lebih teliti walaupun pengkaji lain sudah menerangkan emoji sebagai ekspresi emosi dalam komunikasi secara minimal. Emoji turut diteliti dari sudut makna melalui perspektif semantik dalam kajian Noyed (n.d.).

Seterusnya, satu lagi corak bahasa yang sudah luas pengkajiannya adalah bahasa rojak yang biasanya dijelaskan secara linguistik dalam bentuk percampuran kod atau pertukaran kod. Bahasa rojak sebagai corak bahasa popular dalam bahasa komunikasi di internet tidak dapat disangkal lagi memandangkan tiga daripada 18 kajian dalam sorotan literatur bersistematik ini memfokuskan kepada corak bahasa ini. Mohd Syuhaidi Abu Bakar dan Aliffluqman Mohd Mazzalan (2018) dalam kajian mereka mendapati kesemua 25 informan menggunakan penggunaan bahasa rojak Melayu-Inggeris di laman sosial Facebook. Fuzirah Hashim et al. (2017) yang mengkaji bahasa komunikasi dalam talian menemui ciri linguistik seperti percampuran kod dan penukar kod. Nor

Azah Azlin Zakaria (n.d.) turut menerangkan fenomena bahasa rojak melalui perspektif percampuran dan pertukaran kod sama seperti Fuzirah Hashim et al. (2017). Corak bahasa yang diterangkan sama ada melalui istilah bahasa rojak, percampuran kod atau penukaran kod bukan lagi perkara baharu dalam situasi berkomunikasi di internet kerana Teo Kok Seong (2003) melalui penulisan Mohd Syuhaidi Abu Bakar dan Aliffluqman Mohd Mazzalan (2018) sudah mengetengahkan isu penggunaan bahasa rojak menerusi komunikasi berasaskan komputer pada ketika itu.

Dari segi perkataan, wujudnya corak bahasa yang dikenali sebagai slanga dalam komunikasi dalam talian. Noor Husna binti Abd. Razak dan Hasnah binti Mohamad (2016) menyatakan bahawa slanga adalah penyimpangan norma sebutan atau tatabahasa di dalam pertuturan. Slanga bukan perkara baharu dalam bidang bahasa kerana fenomena ini terjadi dalam semua bahasa di dunia kerana ia muncul seusia atau lebih awal dengan bahasa bagi sesebuah negara (Nik Safiah Karim, 1996). Rumus-rumus kosa kata slanga dalam talian diterokai dan dijelaskan dari sudut morfologi oleh Noor Husna binti Abd. Razak dan Hasnah binti Mohamad (2016). Zulkifli Zulfati Izazi dan Tengku Mahadi T.S. (2020) pula melihat slanga secara asas, dimana pengkaji menemui rumus-rumus kosa kata slanga tertentu seperti pemendekan, pengejaan onomatopoeia, penggantian fonetik, penyingkatan dan akronim, kakografi, pengulangan, tanda baca, penggunaan huruf besar dan emoji. Berdasarkan beberapa rumus slanga tersebut, sebenarnya sudah ramai pengkaji yang secara tidak langsung membincangkan beberapa bentuk slanga dalam kajian, contohnya dalam kajian bahasa rojak, percampuran kod atau variasi bahasa komunikasi dalam talian seperti yang sudah dinyatakan pada perenggan sebelum ini.

Corak bahasa seterusnya yang sudah menapak dalam pengkajian bahasa komunikasi dalam talian adalah bahasa sindiran. Zainal Abidin Ahmad (1965) menyifatkan bahasa sindiran sebagai ujaran yang ditujukan kepada seseorang melalui kiasan dan maksudnya tidak disebut secara tepat. Siti Norsyahida Mohd A. Rashid dan Nor Azuwan Yaakob (2016) mengenalpasti jenis bahasa sindiran dalam bahasa komunikasi dalam talian secara lisan iaitu melalui video vlog. Nur Atikah Ibrahim dan Maslida Yusof (2020) turut meneliti bahasa sindiran dalam media sosial, tetapi melalui perspektif lakuan bahasa. Selain meneliti sindiran dari aspek lakuan bahasa, Nur Atikah Ibrahim dan Maslida Yusof (2020) turut memperlihatkan ragam bahasa sindiran yang kini tidak lagi disampaikan secara tidak langsung dalam cara masyarakat Melayu tradisional. Siti Norsyahida Mohd A. Rashid dan Nor Azuwan Yaakob (2016) mengkategorikan jenis bahasa sindiran kepada tiga jenis iaitu ironi, sarkastik dan sinisme. Di samping itu, pemahaman unsur ironi dan sarkastik dalam talian turut dibincangkan dalam kajian Laila Amira Rozli (n.d.).

Ketidaksantunan berbahasa ditakrif sebagai salah satu strategi penggunaan bahasa yang kasar dan tidak elok dari penutur kepada pendengar atau pembaca (Zaitul Azma & Ahmad Fuad, 2012). Ketidaksantunan berbahasa merupakan salah satu corak bahasa yang sering diutarakan dalam pengkajian bahasa komunikasi di internet. Dalam artikel Azianura Hani Shaari dan Mohammad Rahim Kamaluddin (2020), ketidaksantunan bahasa dilihat dari sudut linguistik dalam konteks buli siber, manakala Nor Atikah Jusoh (n.d.) turut melihat aspek kesantunan bahasa selain ketidaksantunan bahasa. Kedua-dua artikel ini menggunakan teori sama, iaitu model teori ketidaksantunan Culpeper (1996), tetapi menghasilkan dapatan dan perbincangan mengenai ketidaksantunan berbahasa berdasarkan objektif kajian yang berbeza.

Meme ialah satu bentuk komunikasi yang sudah menjadi sebahagian dari budaya digital terkini. Menurut Faizul Nizar Anuar et al. (2018) yang meneliti meme dari aspek wacana dan sosiobudaya, kepelbagaian bentuk penghasilan meme wujud dalam pelbagai variasi dan dimensi seperti berbentuk teks, grafik, video dan sebagainya. Kajian Faizul Nizar Anuar et al. (2018)

memberi pemahaman asas meme sebagai sebahagian cara berkomunikasi di internet. Selain itu, kajian terkini dari Wan Nur Azira dan Maslida Yusof (2021) yang meneliti meme dari segi lakuun bahasa membuktikan meme sebagai salah satu corak bahasa komunikasi di internet. Corak bahasa seperti bahasa rojak, slanga, emoji, ketidaksantunan bahasa, bahasa sindiran dan meme mungkin mempelopori kajian bahasa komunikasi di internet pada masa kini, namun terdapat juga sarjana yang meninjau aspek bahasa seperti kata ganti nama diri di media sosial seperti yang telah dilakukan oleh Maslida Yusof (2018). Bahasa komunikasi di internet wajar dikaji dari pelbagai perspektif bidang bahasa, mahupun dilihat ragam-ragam baharunya yang berkembang atau berubah mengikut peredaran zaman.

PLATFORM PEMEROLEHAN DATA BAHASA KOMUNIKASI DI INTERNET DI MALAYSIA

Menurut Culpeper dan Gillings (2019), pragmatik jelasnya kini berada dalam skop yang lebih luas, melebarkan skop kepada ragam berkomunikasi tidak kira dari medium mana. Kepelbagai dan perkembangan medium berkomunikasi juga menyumbang kepada pengkajian ragam berkomunikasi di internet. Culpeper dan Gillings (2019) menemui peningkatan terhadap penggunaan sumber data digital dalam pengkajian pragmatik. Sumber data dalam artikel kajian lepas yang terdapat dalam makalah ini umumnya diketahui hanya berlandaskan pada medium digital kerana fokus makalah adalah kepada bahasa komunikasi di internet. Tinjauan pemilihan platform untuk pemerolehan data dalam kajian lepas dapat membantu pengkaji seterusnya untuk memilih platform yang relevan.

Dapatan kajian mendapati hanya kajian Noor Husna binti Abd. Razak dan Hasnah binti Mohamad (2016) yang memilih blog sebagai sumber pemerolehan data. Blog ialah salah satu platform yang masih relevan untuk dijadikan sumber pemerolehan data pada masa kini, bergantung kepada keperluan data kajian anda walaupun ia sudah lama wujud berbanding platform perhubungan popular lain. Perkara ini selari dengan pandangan dari Financial Wolves (2020) bahawa aktiviti memblog masih relevan sehingga kini. Oleh itu, selagi aktiviti memblog masih diteruskan dan relevan, data bahasa yang berhasil juga pastinya masih relevan dikaji. Data video di Internet yang boleh diperoleh daripada medium seperti YouTube, Facebook Watch, TikTok dan lain-lain aplikasi video juga adalah salah satu sumber data bahasa komunikasi di internet. Siti Norsyahida Mohd A. Rashid dan Nor Azuan Yaakob (2017) memperoleh sumber data video untuk pengkajiannya daripada medium YouTube. Selain itu, Maslida Yusof (2018) dan Mohd Zuwiri bin Mat Saad et al. (2018) memperoleh data dari platform WhatsApp, manakala Zulkifli Zulfati Izazi dan Tengku Mahadi T.S. (2020) dan Laila Amira Rozli (n.d.) memperoleh data dari platform Twitter. Azianura Hani Shaari dan Mohammad Rahim Kamaluddin (2019) tidak menyatakan platform yang menjadi sumber pemerolehan data, mereka hanya menyatakan secara am bahawa pengkajian adalah berkisar kepada media sosial.

Platform yang paling popular sebagai sumber data untuk bahasa komunikasi di internet di Malaysia adalah Facebook. Dominasi sebanyak 11 daripada 18 kajian dalam sorotan literatur bersistematis ini menggunakan platform Facebook sebagai sumber data. Artikel yang memperoleh data dari laman media sosial Facebook adalah penulisan dari Fuzirah Hashim et al. (2017), Faizul Nizar Anuar et al. (2018), Mohd Syuhaidi Abu Bakar dan Aliffluqman Mohd Mazzalan (2018), Norwati Mohd Zain dan Hishamudin Isam (2019), Azianura Hani Shaari (2020), Nur Atikah Ibrahim dan Maslida Yusof (2020), Wan Nur Azira dan Maslida Yusof (2021), Laila Amira Rozli (n.d.), Nor Azah Azlin Zakaria (n.d.), Nur Atikah Jusoh (n.d.) dan Nur Shahirah Mansor dan Syahrul Ninie Nashirah M.B. (n.d.). Walau bagaimanapun, platform yang mendominasi sebagai platform untuk pemerolehan data kajian tidak semestinya menjadi platform terbaik dalam sesbuah

pengkajian. Ia masih bergantung kepada keperluan kajian dan objektif kajian pengkaji. Namun, pemilihan platform yang bersesuaian dengan keperluan kajian adalah penting untuk memastikan data kajian adalah relevan dan dapat mencapai objektif kajian, memandangkan data media sosial direka secara spontan oleh pengguna dan boleh menghasilkan data yang berat sebelah (Toivonen et al., 2019).

PERSPEKTIF PRAGMATIK DALAM KAJIAN BAHASA KOMUNIKASI INTERNET DI MALAYSIA

Yan Huang (2015) menakrifkan kajian pragmatik sebagai kajian sistematik makna berasaskan penggunaan bahasa atau kebergantungannya kepada penggunaan bahasa. Dalam meneliti kajian bahasa komunikasi di internet di Malaysia, kajian-kajian bukan sahaja ditemui khususnya dalam bidang pragmatik, tetapi juga cabang linguistik lain yang mendorong ke arah perspektif pragmatik. Melalui sorotan literatur bersistematis ini, terdapat tujuh kajian daripada 18 kajian terpilih yang memfokuskan dalam bidang pragmatik, manakala 11 kajian selebihnya memberi sumbangan kepada perspektif pragmatik dalam kajian bahasa komunikasi di internet di negara Malaysia.

Bahasa sindiran ialah salah satu corak bahasa yang kerap dibincangkan dalam kajian bahasa komunikasi di internet di Malaysia. Siti Norsyahida Mohd A. Rashid dan Nor Azuwan Yaakob (2017) mengenal pasti jenis-jenis bahasa sindiran dengan melihat kepada makna yang tersirat dalam penyampaiannya menggunakan Kerangka Keraf (2007). Jenis bahasa sindiran dibahagikan kepada jenis ironi, sinimisme dan sarkastik. Kajian ini memberi kefahaman awal tentang rangka asas bahasa sindiran dan makna tersiratnya. Di sisi yang lain, Nur Atikah Ibrahim dan Maslida Yusof (2020) melihat makna bahasa sindiran melalui konteks yang lebih menyeluruh dengan mengambil kira struktur bahasa sindiran dan lakukan bahasa berdasarkan rangka rumus Amante (1981) dan Searle (1979). Kajian Nur Atikah dan Maslida Yusof (2018) mendapatkan bahawa sindiran yang disampaikan adalah dalam bentuk lakukan ilokusyenari asertif, direktif, ekspresif dan komisif. Penganalisisan dari sudut lakukan bahasa bukan sahaja perkara baharu dalam bahasa sindiran di media sosial, tetapi juga dalam corak bahasa komunikasi di internet yang lain.

Menurut Leech (2014), kesantunan ialah fenomena sosial yang dimanifestasikan melalui penggunaan bahasa. Corak kesantunan atau ketidaksantunan bahasa ialah ragam bahasa yang berkait rapat dengan bidang pragmatik yang mengkaji mengenai penggunaan bahasa. Oleh itu, kajiannya pasti akan berkisar kepada perspektif pragmatik secara langsung atau tidak langsung. Ketidaksantunan bahasa dikaji oleh Azianura Hani Shaari dan Mohammad Rahim Kamaluddin (2019) dan Nor Atikah Jusoh (n.d.) dari sudut pragmatik dengan menggunakan model teori yang sama iaitu model ketidaksantunan Culpeper (1996). Walaupun kajian Azianura Hani Shaari dan Mohammad Rahim Kamaluddin (2019) berkisar tentang ketidaksantunan bahasa dalam konteks fenomena buli siber, namun penganalisisannya menunjukkan penggunaan kata-kata kesat di laman media sosial dengan mengambil kira data temubual. Data temubual ini mendapatkan terdapat faktor penggunaan kata-kata kesat di media sosial seperti untuk menggambarkan keperibadian berbeza di internet dan sengaja menggunakan perkataan-perkataan lucu dalam bahasa Inggeris kerana tidak ingin perkataan tersebut difahami oleh ahli keluarga dan rakan-rakan yang ada di laman sosial yang sama. Nor Atikah Jusoh (n.d.) pula mendapatkan terdapat beberapa strategi penggunaan ketidaksantunan bahasa di internet seperti secara langsung, positif, negatif dan sindiran. Di samping itu, aspek kesantunan turut dilihat dengan menggunakan strategi kesantunan Brown dan Levinson (1978, 1987). Kajian Nor Atikah Jusoh (n.d) mendapatkan bahawa strategi kesantunan yang digunakan oleh penghuni Facebook tertentu adalah secara optimistik, jenaka, beri atau tanya alasan dan beri petunjuk. Secara kasarnya, kajian ketidaksantunan bahasa di atas menggunakan teori dalam bidang pragmatik yang sama, tetapi secara halusnya memberi pandangan pragmatik yang

berbeza. Gabungan perspektif ini membentuk aliran yang semakin berkembang untuk pengkaji akan datang mencari objektif yang berbeza.

Seterusnya, kajian emoji oleh Azianura Hani Shaari (2020) dan kajian meme oleh Wan Nur Azira dan Maslida Yusof (2021) turut melihat corak bahasa tersebut dari perspektif lakuhan bahasa. Azianura Hani Shaari (2020) membuktikan bahawa emoji juga berfungsi sebagai penanda lakuhan ilokusi yang membawa emosi dan mesej penutur. Kajian ini menggunakan model lakuhan ilokusi berasaskan Searle (1976). Wan Nur Azira dan Maslida Yusof (2021) juga melihat meme dari aspek lakuhan ilokusi, tetapi menggunakan teori yang sudah dikembangkan selepas Searle (1976), iaitu teori lakuhan bahasa Bach dan Harnish (1979). Memandangkan emoji dan meme adalah budaya digital yang masih tidak dikaji secara meluas, pengkajian dari pespektif pragmatik seperti lakuhan bahasa membuktikan bahawa ianya bukan sekadar budaya digital, tetapi berfungsi sebagai corak komunikasi dalam ruang digital. Dari aspek pragmatik yang lain, Nor Azah Azlin Zakaria (n.d.) mengkaji bahasa rojak dan percampuran kod dengan menggunakan salah satu teori bidang pragmatik; Teori Relevans Sperber dan Wilson (1986). Di sebalik memahami jenis percampuran kod dari sudut bahasa, pengkaji turut menyertakan analisis ujaran implisit untuk situasi percampuran kod ini. Pengkajian yang menyertakan analisis makna dari sudut pragmatik seperti ini boleh dijadikan rujukan agar pengkaji di masa hadapan tidak hanya menginterpretasi makna secara sewenang-wenangnya.

Selain itu, terdapat 11 lagi kajian bahasa komunikasi di internet yang dilihat dari cabang linguistik lain oleh pengkaji di Malaysia. Walaupun kajian ini tidak memfokuskan secara khusus dan langsung kepada bidang pragmatik, tetapi ia turut memberi sumbangan kepada perspektif pragmatik terhadap bahasa komunikasi di internet di Malaysia. Walaupun kajian slanga oleh Noor Husna binti Abd. Razak dan Hasnah binti Mohamad (2016) memfokuskan kepada aspek morfologi, manakala kajian slanga Zulkifli Zulfati Izazi dan Tengku Mahadi T.S. (2020) memfokuskan kepada variasi slanga secara linguistik, tetapi pengkaji turut menyatakan makna asal slanga dengan meninjau konteks penggunaannya secara asas terlebih dahulu. Secara tidak langsung, pengkaji memberi ruang untuk pengkaji di masa hadapan untuk menghuraikan makna melalui konteks pragmatik dengan lebih teratur dan terperinci. Kajian lain seperti kajian dari Fuzirah Hashim et al. (2017), Faizul Nizar Anuar et al. (2018), Mohd Zuwiri bin Mat Saad et al. (2018), Norwati Mohd Zain dan Hishamudin Isam (2019), Noyed (n.d.), Mohd Syuhaidi Abu Bakar dan Aliffluqman Mohd Mazzalan (2018), Laila Amira Rozli (n.d.), dan Nur Shahirah Mansor dan Syahrul Ninie Nashirah M.B. (n.d.) ada menyediakan interpretasi awal tentang makna asas corak bahasa yang dikaji. Interpretasi awal makna asas memberi titik penanda bahawa makna sesebuah perkataan yang membabitkan ujaran dan konteks perlu ditinjau lebih baik. Hal ini kerana tanpa interpretasi makna yang baik, objektif kajian seterusnya tidak akan dapat dicapai secara telus. Pemahaman asas mengenai makna yang melibatkan konteks dan faktor lain amat berkait rapat dengan bidang pragmatik.

Kajian dari Maslida Yusof (2018) mengenai trend kata ganti nama diri di media sosial tidak berkisar kepada perspektif pragmatik. Namun, kajian ini mampu menjadi rujukan asas pada masa hadapan untuk pengkaji bidang pragmatik yang memerlukan maklumat mengenai kajian bahasa di media sosial. Perkembangan bahasa komunikasi di internet yang sudah sedia maklum sering membawa penciptaan perkataan baharu. Maka, adalah satu keperluan untuk pengkaji di masa hadapan meninjau makna variasi kata ganti nama baharu dalam konteks pragmatik. Maslida Yusof (2018) menyatakan bahawa pengguna akan menyesuaikan bentuk ganti nama diri yang digunakan iaitu berdasarkan siapa rakan bualan dan situasi di mana sesuatu perbualan itu berlangsung. Pada

masa hadapan, kajian ganti nama diri dalam bahasa komunikasi di internet mungkin boleh dibincangkan juga dari perspektif atau ekspresi dieksis.

PERBINCANGAN

Melalui penggarisan jenis corak bahasa, platform pemerolehan data dan ruang penerokaan perspektif pragmatik dalam bahasa komunikasi di internet di negara Malaysia, kita sudah dapat melihat aliran perkembangannya setakat ini dari sudut yang diutarakan. Corak bahasa yang sudah diterokai mungkin akan terus dikaji secara lebih meluas dan akan bertambah datanya. Selari dengan sifat bahasa yang dinamik, bahasa komunikasi di internet juga akan sentiasa berubah dan berkembang mengikut perkembangan teknologi. Oleh itu, lebih banyak pengkajian mengenai bahasa komunikasi di internet dari sudut linguistik, khususnya pragmatik akan dapat dilihat pada masa hadapan kerana pertambahan variasi corak bahasa komunikasi di internet. Dean Yeo dan Su-Hie Ting (2017) memberi cadangan keperluan kajian pada masa hadapan untuk mengenal pasti perkataan yang mempunyai makna berbeza daripada makna kebiasaannya dalam penggunaan komunikasi secara bertulis atau lisan. Perubahan bahasa ini dipercayai berpunca daripada pertumbuhan komunikasi di media sosial oleh generasi lebih muda.

Tentunya, kajian tidak terbatas kepada perkataan sahaja, tetapi keseluruhan unit ujaran iaitu penggunaan satu bentuk bahasa baik perkataan, frasa, ayat atau jujukan ayat oleh seseorang dalam sesuatu peristiwa (Yan Huang, 2015). Ujaran dalam bahasa komunikasi di internet oleh golongan lebih muda dipercayai boleh menjadi asbab dalam perkembangan variasi bahasa ruang digital ini, sekaligus melahirkan corak bahasa baharu yang mungkin selama ini kita tidak fikirkan. Corak bahasa sedia ada juga memerlukan pengkajian bahasa dalam cabang pragmatik dengan lebih luas sebagai penambahan data. Hal ini kerana menurut Crystal (2001), teknologi baharu yang terlibat akan memberi perubahan kepada internet dan situasi komunikasi, dan ini akan menentukan perkembangan variasi bahasa yang tertentu. Melihat dari sudut komunikasi digital pula, corak bahasa tidak semestinya terdiri daripada unit bahasa yang sedia ada, tetapi melibatkan unit yang berfungsi sebagai cara berkomunikasi termasuklah emoji dan meme walaupun ianya tidak mempunyai teks. Pengkaji perlu terbuka menerima corak bahasa komunikasi di internet sebagai subjek kajian yang masih perlu diteroka secara meluas.

Data bahasa komunikasi di internet secara umumnya diperoleh dari ruang internet sendiri. Ruang Internet telah menyediakan pelbagai platform perhubungan seperti Facebook, Twitter, Instagram, TikTok dan sebagainya. Pemilihan Facebook sebagai platform utama pengkaji untuk pemerolehan data pada garis masa terdahulu sehingga kini adalah selari dengan statistik penggunaannya di Malaysia. Menurut Statcounter GlobalStats (2021), penggunaan media sosial di Malaysia yang mencatatkan nilai tertinggi adalah platform Facebook. Laporan pada Mei 2020 hingga Mei 2021 menunjukkan statistik penggunaan Facebook di Malaysia adalah sebanyak 88.94% berbanding platform atau laman media sosial yang lain. Tidak ada pemilihan sumber pemerolehan data yang terbaik untuk data bahasa komunikasi di internet kerana ia bergantung kepada keperluan kajian yang tertentu. Namun, satu perkara yang perlu dititikberatkan adalah berkenaan hak dan privasi pengguna.

Kemajuan teknologi kini semakin menyedarkan pengguna tentang hak privasi dalam komunikasi dalam ruang digital. Nurul Madiha Mohd Ilham dan Mohd Azul Mohamad Salleh (2015) dalam kajiannya mendapati bahawa pengguna media sosial sedar dan faham mengenai isu privasi dan keselamatan maklumat dalam ruang digital. Oleh itu, prosedur yang telus seperti memohon keizinan dari individu atau organisasi untuk persampelan kajian adalah langkah yang

digalakkan dalam pemerolehan data bahasa komunikasi di internet. Pengkaji tidak boleh sewenang-wenangnya hanya membuat tangkapan skrin dengan mengetepikan hak privasi individu atau organisasi dalam talian. Adalah menjadi satu keperluan untuk meninjau pengumpulan data digital dalam kajian pada peringkat awal, di mana ia boleh memberi kesan kepada reka bentuk kajian, mengurangkan langkah tidak perlu yang tidak mendorong kepada hasil kajian dan mengukuhkan bukti kajian (Minin et al., 2021).

Dominasi pengkajian dalam perspektif lakuan bahasa bukan fenomena luar biasa kerana topik utama penjelasan pragmatik sememangnya meliputi implikatur, praandaian, perlakuan tuturan bahasa dan deiksis (Yan Huang, 2015). Lakuan bahasa ialah salah satu topik utama dalam kajian pragmatik itu sendiri. Walau bagaimanapun, 11 kajian dari sudut linguistik lain selain pragmatik memperlihatkan bahawa masih terdapat jurang penyelidikan dalam aspek bahasa komunikasi di internet di Malaysia dari sudut pragmatik yang boleh diisi. Tinjauan bahasa komunikasi di internet dari sudut pragmatik perlu diperluaskan kerana bahasa komunikasi di internet perlu lebih difahami, bukan sekadar untuk menentukan ianya menyimpang dari bahasa standard dan dilabel sebagai musuh kepada bahasa Melayu standard. Namun, untuk menerima perkara baharu, kita semestinya perlu memahaminya dengan baik terlebih dahulu. Kajian pragmatik sebagai cabang linguistik yang membincangkan makna dan kewujudan konteks lain akan memberi kefahaman lebih baik untuk variasi bahasa yang wujud dalam situasi ruang digital.

KESIMPULAN

Sorotan literatur bersistematik ini meninjau kajian-kajian lepas terpilih yang berkisar tentang bahasa komunikasi di internet di dalam negara Malaysia khususnya dari sudut pragmatik. Sebanyak 18 kajian lepas telah melepassi saringan protokol PRISMA dan dipilih mengikut metodologi yang bersistematik. Himpunan kajian berdasarkan kaedah sorotan literatur bersistematik ini memberi tinjauan dari sudut yang signifikan seperti corak bahasa yang telah dikaji, sumber pemerolehan data dan perspektif pragmatik dalam konteks bahasa komunikasi di internet di Malaysia. Corak bahasa yang telah dikaji dalam bahasa komunikasi digital yang ditemui dalam sorotan literatur bersistematik ini adalah slanga, bahasa rojak, percampuran kod, pertukaran kod, emoji, meme, ketidaksantunan bahasa dan bahasa sindiran.

Seterusnya, sumber pemerolehan data bahasa komunikasi di internet di dalam negara Malaysia didominasi oleh Facebook, disusuli dengan platform lain seperti blog, Twitter dan WhatsApp. Perspektif pragmatik dalam kajian bahasa komunikasi di internet dalam sorotan literatur bersistematik ini pula dilihat didominasi oleh aspek lakuan bahasa, manakala lain-lain adalah dari aspek corak bahasa yang berkait rapat dengan bidang pragmatik seperti sindiran dan ketidaksantunan bahasa. Sorotan literatur bersistematik bahasa komunikasi di internet di Malaysia dari sudut pragmatik bukan sahaja dapat memberi imbasan dan rujukan kepada bidang bahasa, tetapi juga boleh menjadi titik tolak kajian dari sudut berkaitan seperti bidang komunikasi. Kajian ini bukan sekadar boleh menjadi rujukan, tetapi juga membuka ruang kepada pengkaji seterusnya untuk menjalankan kajian sorotan literatur bersistematik dengan lebih baik atau skop yang lebih luas, contohnya pangkalan data jurnal yang lebih pelbagai dan persoalan kajian yang lebih signifikan.

PENGHARGAAN

Artikel ini dibiayai oleh penyelidikan FRGS/1/2020/SSI0/UKM/02/14 yang bertajuk Pembinaan Korpus Bahasa Melayu Internet dalam Kalangan Generasi Z. Sekalung penghargaan kepada Profesor Madya Dr. Rahim Aman atas sumbangan ilmu dalam penghasilan artikel ini.

RUJUKAN

- Amante, D. J. (1981). The theory of ironic speech acts. *Poetics Today*, 2(2), 77-96.
- Arnold, G. W. (1978). A computer-mediated structured communication system (Doctoral dissertation, Columbia University). Retrieved February 27, from http://www1.cs.columbia.edu/~hgs/papers/others/1978/Arnold_ComputerMediated.pdf
- Azianura Hani Shaari. (2020). Accentuating illocutionary forces: Emoticons as speech act realization strategies in a multicultural online communication. *3L: The Southeast Asian Journal of English Language Studies*, 26(1), 135-155. <http://doi.org/10.17576/3L-2020-2601-10>
- Azianura Hani Shaari & Mohammad Rahim Kamaluddin. (2019). Buli siber: Ketidaksantunan bahasa dan etika media sosial dalam kalangan remaja Malaysia. *e-Bangi*, 16(6), 1-16.
- Bahagian Penyelidikan Bahasa Jabatan Bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka. (2008). Panduan Singkatan Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) Bahasa Melayu. Retrieved March 20, from <http://eseminar.dbp.gov.my/dokumen/khidmatsms.pdf>
- Bach, K. & Harnish, R.M. (1979). *Linguistic Communication and Speech Acts*. Cambridge & The MIT Press.
- Booth, A. Sutton, A. & Papaioannou, D. (2012). *Systematic Approaches to a Successful Literature Review*. Sage Publications.
- Carey, J. (1980). Paralanguage in computer mediated communication. *ACL Web*. Retrieved March 10, from <https://www.aclweb.org/anthology/P80-1018.pdf>
- Culpeper, J. (1996). Towards an anatomy of impoliteness. *Journal of Pragmatics*, 25, 349–67.
- Culpeper, J., & Gillings, M. (2019). Pragmatics: Data trends. *Journal of Pragmatics*, 145, 4-14. <https://doi.org/10.1016/j.pragma.2019.01.004>
- Crystal, D. (2001). *Language and the Internet*. Cambridge University Press.
- Deacon, T. (2011). *The Symbol Concept*. In M. Tallerman and K. Gibson (Eds.). *Oxford Handbook of Language Evolution*. Oxford University Press.
- Dean Yeo & Su-Hie Ting. (2017). Netspeak features in Facebook communication of Malaysia university students. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 6(1), 81-90.
- Faizul Nizar Anuar, Fauziah Ahmad & Sabariah Mohamed Salleh. (2018). Meme sebagai seloka persendaan dan parodi: Impak dimensi sosiobudaya. *Jurnal Komunikasi*, 34(1), 75-96. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2018-3401-05>
- Financial Wolves. (2020). Are blogs still a thing in 2021. (2020). Retrieved March 13, from <https://financialwolves.com/are-blogs-still-a-thing/>
- Fuzirah Hashim, Ahmad Aminuddin Soopar & Bahiyah Abdul Hamid. (2017). Linguistic features of Malaysian students' online communicative language in an academic setting: The case of Universiti Kebangsaan Malaysia. *Akademika*, 87(1), 231-242. <http://doi.org/10.17576/akad-2017-8701-17>
- Gusenbauer, M. & Haddaway, N. R. (2020). Which academic search systems are suitable for systematic reviews or meta-analyses? Evaluating retrieval qualities of Google Scholar,

- PubMed, and 26 other resources. *Res. Synth. Methods*, 11(2), 181–217. <https://doi.org/10.1002/jrsm.1378>
- Halevi, G., Moed, H. & Bar-Illan, J. (2017). Suitability of Google Scholar as a source of scientific information and as a source of data for scientific evaluation. *Revi Lit*, 11(3), 823–834. <https://doi.org/10.1016/j.joi.2017.06.005>
- Hayrol Azril Mohamed Shaffril, Samsul Farid Samsuddin & Asnarulkhadi Abu Samah. (2020). The ABC of systematic literature review: The basic methodological guidance for beginners, *Quality & Quantity: International Journal of Methodology*, 55(4), 1319-1346. <https://doi.org/10.1007/s11135-020-01059-6>
- Higgins, J.P.T., Altman, D.G., Gøtzsche, P.C., Jüni, P., Moher, D., Oxman, A.D., Savovic, J., Schulz, K. F., Weeks, L. & Sterne, J. A. C. (2011). The Cochrane Collaboration's tool for assessing risk of bias in randomised trials. *BMJ (Online)*, 343 (7829), 1–9. <https://doi.org/10.1136/bmj.d5928>
- Keraf, G. (2007). *Diksi dan gaya bahasa*. PT Gramedia Pustaka.
- Laila Amira Rozli. (n. d.). Kajian tentang penggunaan unsur sarkastik atau ironi dalam kalangan pengguna Twitter. *Bahasa dan Internet* (pp. 44-52). Retrieved February 20, from https://www.academia.edu/35546655/Bahasa_dan_Internet
- Leech, G. N. (2014). *The Pragmatics of Politeness*. Oxford University Press.
- Lockwood, C., Munn, Z. & Porritt, K. (2015). Qualitative research synthesis: Methodological guidance for systematic reviewers utilizing meta-aggregation. *Int. J. Evid. Based Healthc.*, 13(3), 179–187. <https://doi.org/10.1097/xeb.0000000000000062>
- Maslida Yusof. (2018). Trend ganti nama diri bahasa Melayu dalam konteks media sosial. *Jurnal Komunikasi*, 34(2), 36-50. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2018-3402-03>
- Minin, E. D., Fink, C., Hausmann, A., Kremer, J. & Kulkarni, R. (2021). How to address data privacy concerns when using social media data in conservation science. *Conservation Biology*, 35(2), 437-446. <https://doi.org/10.1111/cobi.13708>
- Moher, D., Liberati, A., Tetzlaff, J., Altman, D.G. & The PRISMA Group. (2009). Preferred reporting items for systematic reviews and meta-analyses: The PRISMA statement. *Open Medicine.*, 3(2), 123-130. <http://dx.doi.org/10.1016/j.jclinepi.2009.06.005>
- Mohd Zuwiri bin Mat Saad, Nur Hanina Ulfah Jamaludin & Mohd Hasren Yusuf. (2018). Analysis of the use of interpersonal communication emoji on Whatsapp use among students. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 241, 193-196. <https://dx.doi.org/10.2991/icosaps-18.2018.43>
- Nik Safiah Karim. (1996). *Siri Monograf Sejarah Bahasa Melayu: Unsur Bahasa Asing Dalam Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa & Pustaka.
- Nor Atikah Jusoh. (n. d.). Analisis ketidaksantunan bahasa dan kesantunan bahasa dalam laman sosial Facebook berdasarkan model ketidaksantunan Culpeper (1996, 2005) dan strategi kesantunan Brown dan Levinson (1978, 1987). *Bahasa dan Internet* (pp. 112-128). Retrieved February 20, from https://www.academia.edu/35546655/Bahasa_dan_Internet
- Nor Azah Azlin Zakaria. (n. d.). Analisis penggunaan percampuran kod (bahasa rojak) dalam laman sosial Facebook melalui teori Sperber dan Wilson (1986). *Bahasa dan Internet* (pp. 77-95). Retrieved February 20, from https://www.academia.edu/35546655/Bahasa_dan_Internet
- Norwati Mohd Zain & Hishamudin Isam. (2019). Emoji dan ekspresi dalam kalangan komuniti siber. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10(2019), 12-23. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol10.2.2019>

- Noor Husna binti Abd. Razak & Hasnah binti Mohamad. (2016). Rumus bahasa dalam kosa kata slanga. *Jurnal Linguistik*, 20(1), 26-32.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Imran Ho Abdullah & Idris Aman. (2007). *Linguistik Teori dan Aplikasi*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noyed, M. O. E. (n. d.). Analisis makna penggunaan emoji dalam ruangan komen status di laman Facebook Melissa Onellia Edward: Suatu kajian semantik dan komunikasi. *Bahasa dan Internet* (pp. 66-76). Retrieved February 20, from https://www.academia.edu/35546655/Bahasa_dan_Internet
- Nur Atikah Ibrahim & Maslida Yusof. (2020). Sindiran dalam media sosial: Perspektif lakuhan bahasa. *Jurnal Komunikasi*, 36(2), 269-288. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2020-3602-16>
- Nurul Madiha Mohd Ilham & Mohd Azul Mohamad Salleh. (2015). Isu privasi dan keselamatan dalam kalangan pengguna aplikasi media sosial. *e-Bangi*, 12(2), 203-216.
- Nur Shahirah Mansor & Syahrul Ninie Nashirah M.B. (n. d.). Satu tinjauan: Meneliti konsep pertembungan bahasa dari sudut sosiolinguistik berdasarkan bahasa SMS menerusi media sosial Facebook. *Bahasa dan Internet* (pp. 149-170). Retrieved February 20, from https://www.academia.edu/35546655/Bahasa_dan_Internet
- Petticrew, M. & Roberts, H. (2006). *Systematic Reviews in the Social Sciences: A Practical Guide*. Blackwell Publishing Ltd.
- Searle, J. R. (1979). *Expression and meaning: Studies in the theory of speech acts*. Cambridge University Press.
- Simpson, J. (2002). Computer-mediated communication. *ELT Journal*, 56(4), 414-415.
- Siti Norsyahida Mohd A Rashid & Nor Azuwan Yaakob. (2017). Jenis bahasa sindiran dalam ujaran vlog. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 7(2017), 17-29. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v7.511>
- Sperber, D. & Wilson, D. (1986). *Relevance Theory: Communication & Cognition*. Basil Blackwell.
- Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (SKMM). Internet Users Survey: Infographic. (2020) Infographic. (2020). Retrieved March 10, from <https://www.mcmc.gov.my/en/resources/statistics/internet-users-survey>
- Statcounter GlobalStats. (2021). Social Media Stats Malaysia. Retrieved March 21, from <https://gs.statcounter.com/social-media-stats/all/malaysia>
- Teo Kok Seong. (2003, Jun). Ragam bahasa dalam komunikasi elektronik. *Pelita Bahasa*.
- Toivonen, T., Heikinheimo, V., Fink, C., Hausmann, A., Hiippala, T., Jarv, O., Tenkanen, H. & Minin, E. D. (2019). Social media data for conservation science: A methodological review. *Biological Conservation*, 233, 298-315. <https://doi.org/10.1016/j.biocon.2019.01.023>
- Wan Nur Azira & Maslida Yusof. (2021). Lakuan bahasa Melayu dalam komunikasi internet gen z. *Jurnal Melayu*, 20(1), 1-18.
- Yan Huang. (2015). *Pragmatik*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Zainal Abidin Ahmad. (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuas Mat Hassan. (2012). Penggunaan strategi ketidaksantunan dalam kalangan remaja di sekolah. *Jurnal Linguistik*, 16, 62-74.
- Zulkifli Zulfati Izazi & Tengku Mahadi Tengku-Sepora. (2020). Slangs on social media: Variations among Malay language users on Twitter. *PERTANIKA Journal Social Sciences & Humanities*, 28(1), 17-34.

PENULIS

Sarah Nur Najwa Mohd Nasir merupakan pelajar program Sarjana Falsafah Kajian Bahasa Melayu di Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Maslida Yusof (PhD) adalah Prof. Madya di Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Bahasa Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran penulis ialah semantik dan pragmatik.